

**Malaysia, Myanmar Tandatangi MoU Sains Dan Teknologi
Bernama
5 Februari, 2013**

PUTRAJAYA, 5 Feb (Bernama) -- Malaysia dan Myanmar menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dan rakan sejawatan beliau dari Myanmar Dr Ko Ko Oo menyaksikan upacara menandatangani MoU itu di sini Selasa.

Dalam ucapannya, Ongkili berkata MoU berkenaan membolehkan lebih banyak kerjasama diadakan secara agensi dengan agensi dalam pelbagai bidang sains dan teknologi.

"Ia akan meningkatkan keupayaan institusi penyelidikan dan pembangunan Myanmar dalam bidang keutamaan, termasuk keusahawanan sains dan teknologi serta kemajuan dalam bidang ICT, pertanian, kesihatan dan bioteknologi," katanya.

Ongkili berkata MoU itu juga akan memberi lebih banyak peluang kepada saintis Malaysia untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) baharu, manakala institusi akademik pula akan berpeluang membentuk pakatan baharu dengan pusat pembelajaran di Myanmar.

"Kedua-dua negara akan menyokong penyertaan sektor awam dan swasta masing-masing, termasuk universiti, institusi, persatuan dan pertubuhan dalam melaksanakan projek secara bersama," katanya.

Beliau berkata kedua-dua negara juga boleh mendapat manfaat besar melalui kerjasama mengkomersilkan harta intelek.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926261>